

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 1/11/2019  
M/SURAT : 28A

## Import bekalan ikan, sayur jika tak cukup

**Serdang:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan mengimport bekalan ikan serta sayuran jika menerima laporan kekurangan bekalan berkenaan di pasaran sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, setiap hujung tahun pihaknya menerima laporan berhubung kekurangan bekalan dan tindakan segera akan diambil bagi mengatasi masalah itu.

"Setakat ini, kita tidak menerima laporan berhubung kekurangan bekalan ikan dan sayuran di seluruh negara berikutan musim tengkujuh.

"MOA sentiasa bersedia menghadapi jika bekalan tidak cukup maka akan import sayuran dan ikan tertentu.

"Kita akan cukupkan dulu bekalan baru menentukan harga kerana ia di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan ulang tahun Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) ke-50 tahun dan pelancaran buku 50 tahun menabur bakti di sini, semalam.

